

27 JUL 2002

Ramli-Sukan

ACARA SUKAN BERMOTOR BERUPAYA CUNGKIL BAKAT BARU

Shah Alam, 27 Julai (Bernama) -- Penganjuran lebih banyak acara sukan bermotor di negara ini akan meningkatkan kemajuan sukan jenis itu selain dapat mencungkil bakat baru yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ramli Ngah Talib berkata melalui pelbagai jenis sukan bermotor, ramai anak muda boleh menyertainya dan mereka yang berbakat besar boleh dilatih menjadi ahli sukan bertaraf dunia satu hari nanti.

"Ini juga sesuai dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kita memajukan sukan permotoran ke tahap yang lebih tinggi," katanya pada persidangan media selepas Majlis Pelancaran Merdeka Millenium Endurance Race 2002 anjuran Litar Antarabangsa Sepang (SIC) di sini malam ini.

Ramli berkata kejayaan SIC menganjurkan banyak acara sukan bermotor di peringkat kebangsaan dan antarabangsa perlu dicontohi oleh pelbagai pihak.

"Kerajaan negeri dan majlis-majlis daerah boleh menjadikan SIC sebagai model untuk mereka menganjurkan sukan bermotor walaupun secara kecil-kecilan," katanya.

Katanya walaupun sukan bermotor secara umumnya masih baru di Malaysia, namun ia berpotensi untuk dimajukan ke tahap antarabangsa berdasarkan jumlah kenderaan di jalan raya yang kini berjumlah 10 juta yang hampir menandingi bilangan kenderaan di Britain.

"Dengan nisbah dua rakyat memiliki sebuah kenderaan dan 60 peratus daripada 10 juta bilangan kenderaan di jalan raya membabitkan motosikal, lebih ramai dapat menceburi sukan bermotor," katanya.

Beliau juga berkata melalui penganjuran lebih banyak perlumbaan bermotor, peluang penyertaan kepada golongan muda yang tidak tahu mengisi masa lapang mereka dengan cara yang lebih baik, kini terbuka lebih luas.

"Dengan banyak acara perlumbaan bermotor diadakan secara rasmi dan teratur, ia dapat mengurangkan perlumbaan haram di jalan raya seterusnya mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan yang dialami oleh pengguna kenderaan," katanya.

Ramli juga yakin bahawa dengan sokongan kerajaan dan minat yang tinggi oleh beberapa pihak bagi mengatur acara sukan bermotor, ia akan memberi peluang membangunkannya ke tahap yang lebih tinggi dari setahun ke setahun.

-- BERNAMA

RIZ ZMN LAT